

DIDIKLAH DARI HATI. Oleh Pahrol Mohamad Juoi & Rasidah Mustaffa. 2014. Telaga Biru Sdb Bhd, Kuala Lumpur. Halaman 275. ISBN 978-967-388-175-8.

Buku ini diberi tajuk *Didiklah Dari Hati*. Bermula dengan impian dan harapan yang diniatkan dalam hati ibu bapa untuk mendapatkan sebuah keluarga yang dikasihi Allah maka bermulalah juga langkah untuk mencari formula-formula didikan yang bertepatan dengan syariat Islam. Zaman teknologi yang segala maklumat mampu diterokai dengan jari kita, bukan sesuatu yang mustahil untuk ibu bapa mencari pelbagai formula keibubapaan. Banyak laman sesawang, rencana dan blog yang berkongsi ilmu dalam mendidik anak-anak seawal mereka lahir ke dunia. Maka, tiada alasan bagi ibu bapa zaman moden ini untuk mengabaikan pembentukan sahsiah anak-anak. Tidak ketinggalan buku-buku yang berkonsepkan keibubapaan turut disajikan di pasaran buku negara kita sebagai bekalan buat ibu bapa dalam usaha mencorak anak-anak mereka.

Buku ini diterbitkan sebagai menambah koleksi siri keibubapaan buat ibu bapa yang sentiasa mencari nilai tambah demi membentuk keperibadian anak-anak ke tahap yang terbaik. Buku ini wajar dimiliki oleh setiap ibu bapa kerana menyajikan panduan ringkas dan mudah difahami yang berkisar tentang aspek kehidupan seharian yang mungkin kita sebagai ibu bapa terlepas pandang akan kepentingannya dalam pembentukan sahsiah anak-anak. Buku ini juga dapat membantu ibu bapa mendidik anak-anak dari aspek jasmani dan rohani serta memberi panduan dan penerangan yang dinyatakan dalam bentuk penomboran yang pastinya mudah diikuti oleh para ibu bapa. Buku ini dimulakan dengan pembentukan adab anak-anak dalam bab satu, disusuli dengan panduan pembinaan jasmani anak-anak dalam bab dua. Bab ketiga pula menyajikan panduan buat ibu bapa untuk memurnikan sahsiah anak-anak, ibadah di dalam bab empat dan akhir sekali, panduan buat ibu bapa untuk memantapkan keimanan anak-anak dalam bab kelima.

Pembentukan adab dalam **Bab 1** dimulai dengan beberapa adab utama dalam amalan kehidupan seharian. Pertamanya penulis menjelaskan tentang adab makan atau makan beradab. Antaranya adalah dengan memastikan makanan yang dimakan daripada sumber yang halal. Selain itu basuh tangan sebelum makan, berdoa, mempelawa makan Bersama kepada siapa yang ada di sekelilingnya, kunyah makanan sehingga lumat sebelum ditelan, berhenti makan sebelum kenyang dan basuh tangan setelah selesai makan. Selain adab makan, penulis turut menerangkan adab ketika bertamu, adab di rumah terbuka serta pesanan agar menjaga batas pergaulan sesama saudara mara. Pesanan agar sentiasa lunak dalam berkata-kata dan berhati-hati dalam berkawan dengan memilih kriteria kawan yang baik seperti bijak, berakal, berakhlak baik dan berperibadi soleh turut diberikan oleh penulis dalam bab ini.

Seterusnya, dalam **Bab 2** penulis menjelaskan panduan membina jasmani terbaik untuk anak-anak. Antara pesanan yang diberikan oleh penulis adalah agar menanam minat anak-anak terhadap buku dan ilmu. Mereka perlu digalakkan mengunjungi kedai buku dan menjelaskan ciri-ciri buku yang sesuai dibeli seperti mempunyai nilai-nilai tauhid, cinta jihad serta keberanian, benci kepada maksiat dan kezaliman serta mempunyai akhlak dan nilai-nilai mulia. Penulis juga berpesan bahawa terdapat halangan yang boleh membunuh minat membaca seperti menonton televisyen berlebihan serta silap memilih kawan. Kemudian dalam bab ini juga, penulis berpesan agar memilih sekolah yang ideal untuk anak terutama ketika di peringkat awal pendidikan semasa anak berusia empat atau lima tahun. Islam menegaskan amatlah penting memilih guru dan sekolah yang

baik untuk pendidikan anak-anak. Antara kriteria yang perlu dikaji oleh ibu bapa dalam pemilihan sekolah adalah yang menekankan adab dan akhlak mulia, menerapkan roh tauhid dalam setiap sukatan pelajaran, yang mengajarkan al-Quran serta yang mempunyai *biah* (persekitaran) yang solehah. Sekolah ideal ialah sekolah yang dapat melahirkan anak-anak yang cemerlang ilmu dan budi pekertinya.

Penulis juga menekankan kepentingan memberikan anak-anak pemakanan yang baik dan berzat. Makanan yang halal dan baik akan memberikan kesan yang juga baik kepada keturunan dan generasi akan datang. Oleh sebab itu, apa yang perlu dititikberatkan dalam soal pemakanan adalah yang halal, baik (*toyyibah*) dan juga kreatif. Akal yang sihat terhasil daripada tubuh yang sihat. Oleh sebab itu, kegiatan tubuh perlu dalam membentuk kecerdasan akal dan kejernihan fikiran. Bermain dapat mendatangkan kecergasan badan, mengelak daripada bermalas-malasan, melatih pancaindera dan memberi keseronokan dalam kehidupan kanak-kanak. Antara panduan bermain buat anak-anak termasuklah permainan yang tidak membahayakan dan sesuai dengan fitrah semula jadi mereka. Kanak-kanak perempuan hendaklah dilarang daripada bermain seperti budak lelaki kerana akan mencenderungkan sikap dan jiwa mereka kasar seperti lelaki. Begitu juga kanak-kanak lelaki hendaklah dinasihatkan supaya tidak membiasakan diri bersama kanak-kanak perempuan supaya mereka tidak terbiasa dengan pergaulan bebas. Minda anak-anak juga harus disuburkan dengan kisah benar dan bukan hanya taasub dengan watak-watak hero rekaan semata-mata.

Selain itu, dalam membina jasmani anak-anak, penulis berpesan agar manjakan anak-anak cara positif tanpa berlebih-lebihan. Berpada-padalah memanjakan anak-anak agar mereka merasa kasih sayang ibu ayah itu perlu dihargai dan bukannya disalahertikan. Begitu juga apabila anak-anak sudah pandai bergaul dengan kawan-kawannya, ibu bapa perlu lebih teliti dalam memberi kepercayaan kepada mereka. Sebagai ibu ayah, jangan terus percaya kepada cerita anak-anak dan terus bertindak atas laporan anak-anak tanpa usul periksa. Tindakan kita yang mungkin silap sebenarnya boleh menjadikan anak semakin liar dan kuat menipu. Ibu bapa juga perlu memastikan anak-anak dilengkapi ilmu fardhu ain secukupnya. Penulis juga berpesan kepada pembaca untuk mengawasi tidur anak dengan menggariskan amalan yang perlu dilakukan sebelum tidur seperti berwuduk, bertaubat dan tidur di tempat yang bersih dan terlindung. Islam juga menitikberatkan soal maruah dan aurat anak-anak dalam sesebuah rumah. Sebuah rumah yang baik dan selamat sekurang-kurangnya mempunyai tiga buah bilik tidur yang berasingan. Pada masa yang sama, adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk mengajar dan menyiapkan anak-anak dengan ilmu yang secukupnya bagi menghadapi persiapan baligh. Anak-anak perlu diajar tentang konsep hadas, kebersihan dan mandi wajib dengan jelas supaya tidak timbul kekeliruan pada anak apabila mereka mencapai umur dewasa kelak. Begitu juga mengajar anak-anak untuk sentiasa mengambil pengajaran dan pedoman daripada alam persekitaran dan segala haiwan serta tumbuhan.

Kemudian di dalam **Bab 3** pula, penulis menyajikan panduan buat ibu bapa untuk memurnikan sahsiah anak-anak. Pesanan pertama penulis adalah agar ibu bapa memantau dengan siapa anak-anak berkawan. Ini kerana kawan-kawan memberi pengaruh amat besar dalam kehidupan anak-anak. Jika anak-anak berkawan dengan orang yang baik budi pekerti, mereka akan terdorong untuk menjadi baik. Jika jahat kawan itu, maka anak juga boleh mengikuti jejaknya. Justeru Islam menitikberatkan supaya anak-anak bersahabat dengan orang yang baik, beradab dan berakhlak

mulia. Selain itu, ibu bapa juga perlu mempunyai perancangan dan latihan tentang membentuk anak-anak supaya menghargai masa. Ibu bapa perlu mendisiplinkan anak-anak supaya menepati masa sejak kecil. Mereka perlu dilatih supaya memanfaatkan masa dengan bijak dan terancang supaya mereka cemerlang di dunia dan akhirat. Antara tip perancangan masa yang ditekankan ialah memanfaatkan waktu pagi dengan aktiviti bermanfaat seperti bertadarus al-Quran, membaca tazkirah pendek atau kisah-kisah para sahabat dan sebagainya. Selain itu, ibu bapa boleh menetapkan jadual supaya diikuti anak-anak serta mengamalkan konsep pemberitahuan awal atas sebarang arahan yang diberikan agar anak mempunyai persediaan mental dan jiwa untuk berbuat sesuatu yang mungkin tidak disukai. Jika anak-anak dari kecil tidak diakrabkan dengan menepati masa, mereka akan menjadi orang yang tidak peka dengan keadaan. Ini akan menimbulkan masalah apabila dewasa kelak. Bukan hanya menyusahkan diri sendiri, malah menyusahkan orang lain yang berurusan dengannya.

Anak-anak juga perlu dididik agar belajar daripada kehidupan. Mereka perlu disedarkan bahawa para remaja bahawa alam ini hakikatnya sebuah “sekolah”. Setiap kita ialah para pelajarnya. Hidup pula ialah satu siri pelajaran yang tersusun rapi untuk difahami dan dihayati sepanjang hayat. Atas dasar itu juga, anak perlu dididik dengan supaya peka dengan kebersihan. Bermula daripada anak-anak yang masih kecil, didiklah mereka supaya cinta akan kebersihan dan peka kepada sesuatu yang kotor. Mereka perlu tahu dan cinta akan kebersihan diri, tempat tinggal, alam sekitar dan sebagainya. Anak-anak juga perlu diajar untuk membina sifat kerajinan dalam diri. Terangkan kepada anak-anak bahawa sifat rajin ialah perintah Allah SWT. Sebagai seorang Muslim, perlu ada sifat rajin sama ada dalam ibadah khusus atau umum. Orang yang rajin hakikatnya pasti mendapat manfaat daripada kerajinannya. Allah SWT mengasihi orang yang rajin berusaha. Antara kaedah memupuk kerajinan dalam diri anak adalah seperti menyediakan jadual harian dengan menetapkan tugas spesifik dan bersesuaian dengan umur mereka. Bagi anak-anak yang telah menyelesaikan tugas atau dapat mematuhi jadual, mereka seharusnya diberikan ganjaran sebagai satu bentuk galakan dan dorongan.

Bagi tujuan membentuk sahsiah anak-anak, ibu bapa juga perlu mengenal pasti dan berusaha menghalang anak-anak daripada melakukan kesalahan. Sebagai contoh, ibu bapa perlu mengetahui faktor-faktor yang boleh menyebabkan anak berbohong. Antaranya apabila ibu bapa memberi sepenuh kepercayaan kepada anak-anak dalam berbuat sesuatu tanpa pemantauan serta sikap terlalu keras terhadap anak-anak dengan terus mengherdik atau memberi ancaman jika anak berbuat kesalahan. Ibu bapa perlu mengambil langkah-langkah agar tabiat berbohong tidak menjadi kebiasaan dengan menanamkan jiwa tauhid yang padu dalam jiwa anak-anak. Berhentilah memarahi anak sekiranya mereka melakukan kesalahan. Sebaliknya ambillah pendekatan dengan memberikan nasihat dan pujukan. Bantulah anak-anak melihat diri mereka dengan lebih positif tanpa anak-anak dengan orang lain. Jika terdapat kelemahan, carilah ruang dan peluang untuk terus memperbaiki diri supaya menjadi lebih baik. Apa yang paling penting ialah ibu bapa sendiri tidak boleh berbohong kepada anak-anak. Sentiasa berkata benar dan berilah penjelasan agar anak berpuas hati. Jika anak-anak mengetahui dirinya dibohongi, mereka merasakan tidak salah jika membohongi orang lain.

Seterusnya dalam **Bab 4**, penulis menekankan elemen ibadah dalam mendidik anak-anak. Ibu bapa wajib menekankan kepentingan solat kepada anak-anak. Ini kerana solat adalah hubungan rasmi

antara hamba dan Tuhannya. Orang yang tidak solat samalah seperti orang yang memutuskan hubungannya dengan Allah seumpama layang-layang yang putus tali. Solat dapat mewujudkan rasa rendah diri sebagai hamba dengan perilaku rukuk dan sujud. Solat juga mampu mencegah daripada perbuatan yang keji dan mungkar serta membina peribadi agung berdasarkan acuan al-Quran dan as-Sunnah. Selain solat, anak-anak juga perlu diberi penjelasan tentang kewajipan untuk berpuasa. Penerangan perlu diberikan bahawa berpuasa bukanlah sekadar menahan makan dan minum sahaja. Kebaikan puasa juga dapat menahan emosi yang berlebihan seperti marah, kasar, malas dan sebagainya. Selain itu, ibu bapa perlu menjelaskan bahawa puasa juga banyak memberi faedah kepada kesihatan tubuh badan. Melatih anak-anak mempraktikkan puasa juga boleh dilakukan apabila anak-anak memasuki usia lima hingga tujuh tahun.

Selain solat dan puasa, ibu bapa juga perlu melazimkan anak-anak dengan membaca al-Quran. Fahamkan anak-anak bahawa al-Quran berkait rapat dengan keselamatan dan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Bentuklah anak-anak supaya cinta dan lazim mendampingi al-Quran. Antara langkah yang boleh dilakukan adalah memberikan mereka tafsiran ringkas al-Quran, fahamkan mereka tujuan membaca al-Quran serta membawa mereka ke majlis pengajian al-Quran. Selain itu juga, anak-anak perlu diajar untuk mempunyai hubungan yang akrab dengan masjid. Usaha perlu dilakukan bagi melahirkan generasi pencinta masjid yang menjadikan masjid sebagai tempat “mengecas tenaga” kerohanian kepada jiwa dan roh anak-anak supaya terus taat beribadah dan mengumpul kekuatan bagi menghadapi setiap cabaran dan ujian hidup. Didik juga anak agar membesarkan Ramadhan melalui amalan bersahur. Bacakanlah kepada mereka sejarah hebat kanak-kanak pada zaman para sahabat agar dapat dicontohi bagi mempunyai daya fikir yang tinggi dan memahami tujuan kehidupan sebagai hamba dan khalifah Allah.

Seterusnya pada bab terakhir iaitu **Bab 5**, penulis memberikan panduan buat ibu bapa untuk memantapkan keimanan anak-anak. Ibu bapa perlu membimbing anak-anak agar reda terhadap qadak dan qadar dengan cara mengajar untuk reda dengan kegagalan. Gagal atau berjaya adalah termasuk dalam ketentuan Allah SWT iaitu qadak dan qadar. Reda bermaksud tidak mengungkit apa yang berlaku, tidak menyalahkan takdir atau menuding jari menyalahkan orang lain. Selain itu, menjadi tanggungjawab ibu bapa menanam sifat takwa ke dalam jiwa anak-anak. Sebagai contoh, sejak kecil lagi kanak-kanak hendaklah dilatih supaya biasa berpakaian menutup aurat dan yang melambangkan syiar Islam tanpa menanti tahap akal baligh. Penjelasan dan galakan perlu diberi selalu kepada anak-anak mengenai batas-batas aurat yang perlu ditutup sehingga timbul dalam diri mereka sendiri rasa malu mendedahkan aurat sejak awal usia. Pakaikanlah anak-anak dengan pakaian Islam agar terpelihara maruahnyanya di dunia dan tinggi darjatnya di akhirat. Begitu juga, ibu bapa perlu peka dengan pergaulan anak-anak supaya sentiasa bertepatan dengan syariat Islam.

Seterusnya yang terakhir, penulis menekankan bahwa kunci kejayaan yang paling utama dalam mendidik anak-anak ialah sifat ikhlas. Ibu bapa mesti ikhlas dalam mendidik anak-anak. Secara mudah ikhlas itu terdiri daripada dua unsur. Pertama, berbuat sesuatu kerana Allah. Kedua, tidak mengharap sebarang balasan kecuali keredaan Allah. Walaupun kedua-dua perkara ini nampak mudah sahaja tetapi memerlukan huraian yang lebih mendalam untuk benar-benar dihayati dan diamalkan. Ibu bapa mestilah membesarkan dan mendidik anak-anak kerana Allah. Maksudnya, semua jerih payah membesarkan anak hanyalah didorong atas dasar mentaati perintah Allah.

Anak-anak hakikatnya adalah hamba Allah dan ibu bapa menerima amanah daripada-Nya untuk membesarkan mereka. Memang fitrah mengasihi anak sedia ada dalam hati ibu bapa tetapi hendaklah diingat bahawa itu hanyalah dorongan fitrah. Jika ibu bapa mendidik anak-anak atas dorongan fitrah semata-mata, itu belum menjamin keikhlasan yang sebenar. Ini kerana haiwan juga memiliki rasa kasih kepada anak-anak. Keikhlasan yang sebenar fitrah ialah apabila sifat mengasihi anak itu mesti dikaitkan dengan iman.

Maksudnya, ibu bapa perlu mengasihi dan mendidik anak-anak kerana Allah memerintahkan mereka berbuat demikian. Dorongan keikhlasan lebih murni dan berkekalan berbanding dorongan fitrah semula jadi. Kesannya tentu sahaja menjadikan matlamat dan kaedah ibu bapa mendidik anak-anak akan senantiasa diselaraskan dengan kehendak Allah. Pertama, mengenalkan anak-anak kepada Tuhannya. Kedua, mendidik mereka berpandukan syariat (peraturan) dan ajaran-Nya. Dengan ini barulah dikatakan mendidik kerana Allah. Pendek kata, anak-anak dipersiapkan fizikal, mental, hati dan emosi mereka untuk menjadi hamba Allah sejak mumaiyiz hinggalah mereka mencapai usia akil baligh. Malangnya, perkara-perkara asas seperti ini kurang mendapat perhatian ibu bapa dewasa ini. Sejak awal lagi anak-anak sudah dibesarkan dan dipersiapkan untuk memenuhi cita rasa ibu bapa semata-mata. Niat membesarkan mereka didorong untuk menuai hasil apabila anak-anak dewasa kelak. Tuhan langsung tidak mendapat tempat dalam niat dan matlamat dalam mendidik anak-anak.

Maka hati ibu bapa yang mempunyai keikhlasan sedemikian akan turut memindahkan kekuatan tersebut kepada pemikiran, jiwa dan perasaannya semasa mendidik anak-anak. Ibu bapa yang sedemikian akan kreatif, tabah dan gigih dengan pelbagai kaedah dalam mendidik anak-anak. Kebuntuan dan kerisauan akan terhapus dengan sendirinya. Mereka sentiasa mempunyai misi dan visi yang jelas tentang "siapa" yang ingin mereka bentuk dalam diri anak-anak mereka. Ibu bapa yang ikhlas tidak mengharap apa-apa balasan kecuali keredaan Allah. Tidak kiralah anak itu masih kecil atau telah dewasa ibu bapa yang ikhlas sentiasa memberi tanpa mengharap dibalas. Mereka memberi semata-mata kerana Allah perintahkan mereka memberi dan hanya mengharapkan balasan daripada-Nya. Takdirnya, andai anak lupa akan jasa dan budi baik mereka, mereka tidak hampa, kecewa atau mengungkit-ungkit. Jauh sekali untuk mengecam dan mengutuk. Sesungguhnya tiada lagi kejayaan yang lebih besar bagi ibu bapa dalam proses mendidik anak-anak kecuali berjaya melahirkan seorang manusia yang mengetahui dan memahami fungsi dan tujuan kehidupannya sebagai seorang hamba dan khalifah Allah SWT di dunia ini. Menginsafi bahawa tujuan akhir yang abadi dalam kehidupan ini adalah mencari kebahagiaan hakiki di akhirat yang pasti dan kekal selamanya.

Hajah Makiah Tussaripah Binti Jamil

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)

Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan,

Kampus Seremban.